

NAMA:

TINGKATAN:

MODUL PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5
TAHUN 2021

MODUL 1
PRINSIP PERAKAUNAN
KERTAS 1
SATU JAM LIMA BELAS MINIT

JANGAN BUKA MODUL INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan:

1. Modul ini mengandungi **40 soalan**
2. Jawab **semua** soalan .
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan pilih **satu** jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Jawab **semua** soalan

- R 1. Maklumat di bawah berkaitan dengan ciri kualitatif Penyata Kewangan.

Maklumat dalam Penyata Kewangan mesti mudah difahami dan dipersembahkan dengan jelas

Pilih ciri yang tepat berdasarkan pernyataan di atas.

- A Kerelevanan
- B Kebolehsahan
- C Kebolehfahaman
- D Perwakilan benar

- R 2. Berikut merupakan pernyataan tentang Megah Holdings.

Pihak pengurusan Megah Holdings tidak bercadang untuk menukar kaedah pengiraan susut nilai aset bukan semasa perniagaan.

Apakah prinsip atau andaian perakaunan yang dipatuhi oleh Megah Holdings?

- A Ketekalan
- B Prinsip Kos
- C Usaha berterusan
- D Pengiktirafan hasil dan belanja

- R 3. Apakah komponen yang terdapat dalam Akaun Untung Rugi?

- A Belanja
- B Kos Jualan
- C Aset Semasa
- D Ekuiti pemilik

- R 4. Urus niaga berikut di ambil daripada buku Perniagaan BETO.

Mengeluarkan cek bernilai RM3 200 untuk seorang pembekal bagi menjelaskan hutang yang bernilai RM3 500

Apakah kesan urus niaga di atas terhadap persamaan perakaunan?

	Aset (RM)	Liabiliti (RM)	Ekuiti pemilik (RM)
A	3200	3500	(300)
B	3200	(3500)	300
C	(3200)	(3500)	300
D	(3500)	(3200)	(300)

- R 5. Antara berikut yang manakah merupakan dokumen bukan sumber?

- A Slip bank
- B Nota debit
- C Nota serahan
- D Slip pindahan wang

- R 6. Pada 1 November 2020. Perniagaan Betty membeli barang niaga bernilai RM6 000 secara kredit daripada Kedai Anne dengan syarat 5% 7 hari; 2% 14 hari. Perniagaan Betty membuat bayaran penuh pada 10 November 2020. Berapakah jumlah bayaran yang diterima oleh Kedai Anne?

- A RM5 580
- B RM5 700
- C RM5 880
- D RM6 000

S 7. Dokumen berikut dikeluarkan oleh Gemilang Enterprise.

Asal	No : ND1075
Gemilang Enterprise Lot 2-3, Lorong Cempaka 3 Taman Cempaka, 08000 Sg. Petani, Kedah 04 4323456	
<div style="border: 1px solid black; display: inline-block; padding: 2px 10px;">NOTA DEBIT</div>	
	Tarikh : 17 Mac 2021
Kepada : Achik Toys Enterprise 344 Jalan Petri 08000 Sg. Petani Kedah.	
Akaun Tuan/Puan telah didebitkan seperti berikut:	
Butiran	Jumlah (RM)
15 unit anak patung "Barbie" dalam invoice INV156 terkurang caj RM12.00 seunit.	180.00
Tolak Diskaun Niaga 10%	18.00
JUMLAH	162.00
Ringgit Malaysia : Seratus enam puluh dua sahaja	
<i>Ridhuan</i> <hr/> Penerima	<i>Stanley</i> <hr/> Pengurus

Apakah Buku Catatan Pertama yang digunakan oleh Achik Toys Enterprise untuk merekod urus niaga di atas?

- A Jurnal Pulangan Belian
- B Jurnal Pulangan Jualan
- C Jurnal Jualan
- D Jurnal Belian

R 8. Pilih pernyataan yang **betul** tentang maksud Catatan Kontra dalam Buku Tunai.

- A Peniaga memindah tunai peribadi ke dalam perniagaan
- B Peniaga memindahkan tunai dari kedai ke dalam akaun bank.
- C Peniaga mengeluarkan tunai di bank untuk kegunaan peribadi.
- D Peniaga mengeluarkan tunai dari kedai untuk menjelaskan Akaun Belum Bayar

R 9. Petikan Buku Tunai berikut diperolehi daripada Yummie Bakery.

Buku Tunai									
Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
		RM	RM	RM	2021		RM	RM	RM
					Jan 13	P			5 000

Apakah P?

- A Modal
- B Jualan
- C Belian
- D Dividen

- S 10. Dokumen berikut menunjukkan catatan yang akan direkod dalam Buku Tunai Butik Norley.

BUTIK NORLEY		RESIT RASMI	
No 5 Jalan PKNK		No: 233	
05200 Alor Setar		Salinan	
Kedah		Tarikh: 25 Feb 2021	
Diterima daripada :	<u>Azie Design</u>		
Ringgit Malaysia :	Dua ribu tujuh ratus sahaja (Diskaun tunai RM54)		
Untuk bayaran :	<u>Menjelaskan hutang</u>		
RM2 700			
Tunai / Cek: 0070225			
			Norisha (Pengurus)

Catatan manakah yang betul dalam Buku Tunai?

- A Dt Buku Tunai (petikan) Kt
- | Tarikh | Butir | Diskaun | Tunai | Bank | |
|--------|-------------|---------|-------|-------|--|
| 2021 | | RM | RM | RM | |
| Feb 25 | Azie Design | 54 | | 2 700 | |
- B Dt Buku Tunai (petikan) Kt
- | Tarikh | Butir | Diskaun | Tunai | Bank | |
|--------|-------------|---------|-------|-------|--|
| 2021 | | RM | RM | RM | |
| Feb 25 | Azie Design | | | 2 754 | |
- C Dt Buku Tunai (petikan) Kt
- | Tarikh | Butir | Diskaun | Tunai | Bank | |
|--------|-------------|---------|-------|-------|----|
| 2021 | | | RM | RM | RM |
| Feb 25 | Azie Design | 54 | | 2 700 | |
- D Dt Buku Tunai (petikan) Kt
- | Tarikh | Butir | Diskaun | Tunai | Bank | |
|--------|-------------|---------|-------|-------|----|
| 2021 | | | RM | RM | RM |
| Feb 25 | Azie Design | | | 2 754 | |

- R 11. Akaun-akaun berikut diperoleh daripada buku Kedai Runcit Amir akan dikelaskan kepada dua jenis lejar.

Akaun Belian	
	RM
Akaun Belum Bayar	4 300

Akaun Belum Bayar	
	RM
Belian	4 300

Apakah jenis lejar tersebut?

	Akaun Belian	Akaun Belum Bayar
A	Lejar Am	Lejar Am
B	Lejar Am	Lejar Khas
C	Lejar Khas	Lejar Am
D	Lejar Khas	Lejar Khas

- T 12. Berikut adalah Akaun Kawalan Belum Terima yang diambil daripada buku perniagaan Cemara Enterprise.

Akaun Kawalan Belum Terima							
Tarikh	Butir	Fol	Jumlah	Tarikh	Butir	Fol	Jumlah
2021			RM	2021			RM
Mac 1	Baki	b/b	5 430	Mac 31	Hutang lapuk	JA1	370
					Bank	BT1	1 600
					Diskaun diberi	BT1	210

Berapakah baki pada 1 April 2021 jika jumlah Jurnal Jualan ialah RM1 200?

- A Debit RM2 050
 B Debit RM4 450
 C Kredit RM4 450
 D Kredit RM2 050

- R 13. Pernyataan manakah yang menerangkan fungsi Imbangan Duga?
- A Menghitung jumlah modal
 - B Menyemak ketepatan catatan bergu
 - C Mengira untung kasar dan untung bersih
 - D Menunjukkan kedudukan kewangan perniagaan
- R 14. Apakah item yang menambahkan modal perniagaan?
- A Rugi kasar
 - B Rugi bersih
 - C Untung kasar
 - D Untung bersih
- S 15. Petikan Penyata Kedudukan Kewangan berikut diambil daripada buku Berjaya Trading.

Berjaya Trading			
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020			
	RM	RM	RM
<u>Aset bukan semasa</u>			
Alatan			3 200
<u>Aset semasa</u>			
Inventori akhir		4 400	
Akaun Belum Terima		1 100	
		5 500	
<u>Liabiliti semasa</u>			
Bank	740		
Akaun Belum Bayar	1 340		
		2 080	

Berapakah modal kerja perniagaan tersebut?

- A RM3 420
- B RM4 380
- C RM6 620
- D RM7 580

R 16. Apakah butir yang direkod sebagai aset semasa dalam Penyata Kedudukan Kewangan?

- A Kadar bayaran belum bayar
- B Sewa belum terperoleh
- C Susut nilai terkumpul
- D Inventori alat tulis

S 17. Apakah perbezaan antara Perakaunan Asas Tunai dan Perakaunan Asas Akruan?

	Asas Tunai	Asas Akruan
A	Komisen direkod mengikut tempoh diperolehi	Komisen direkod ketika penerimaan tunai
B	Kadar bayaran direkod ketika pembayaran tunai	Kadar bayaran direkod dalam tempoh digunakan
C	Untung diperolehi daripada hasil tolak belanja sebenar	Untung diperolehi daripada hasil diterima tolak belanja dibayar
D	Sewa belum bayar ditolak daripada belanja sebenar	Sewa belum bayar diiktiraf sebagai belanja

S 18. Maklumat yang berikut diambil daripada buku Perniagaan Razleen.

Harga kos van: RM72 000
 Tarikh beli van: 1 Jun 2019
 Tempoh perakaunan perniagaan berakhir pada 31 Disember setiap tahun

Maklumat tambahan:

Kenderaan disusutnilaikan 10% setahun atas kos.

Berapakah susut nilai terkumpul pada tahun 2020?

- A RM7 200
- B RM10 800
- C RM11 400
- D RM14 400

T 19. Maklumat berikut dipetik daripada buku Perniagaan Sharifah.

Imbangan Duga pada 31 Disember 2020		
Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Akaun Belum Terima	10 500	
Peruntukan Hutang Ragu		420

Maklumat Tambahan :

Peruntukan Hutang Ragu diselaraskan pada kadar 3% daripada Akaun Belum Terima bersih.

Berapakah peruntukan hutang ragu yang akan direkod dalam Akaun Untung Rugi pada 31 Disember 2020?

- A Hasil RM105
- B Hasil RM315
- C Belanja RM105
- D Belanja RM315

R 20. Antara berikut, manakah yang menunjukkan kesilapan komisen?

- A Belian barang niaga bernilai RM1 650 daripada Pembekal Dahlan telah dicatat sebagai RM1 560.
- B Bayaran kepada Pembekal Dahlia sebanyak RM1 400 dengan cek tidak direkodkan dalam mana-mana buku.
- C Pulangan barang kepada Pembekal Dahlan RM660 telah didebitkan ke dalam akaun Pembekal Dahlia dan dikreditkan ke dalam akaun pulangan belian
- D Pulangan barang kepada Pembekal Dahlia RM600 telah didebitkan ke dalam akaun pulangan belian dan dikreditkan ke dalam akaun Pembekal Dahlia

- R 21. Apakah kegunaan Nisbah Ujian Asid?
- A Menilai hubungan antara Aset Semasa dengan hutang jangka pendek
 - B Melihat kemampuan perniagaan dapat menjelaskan Liabiliti Semasa dengan cepat
 - C Menilai sejauh mana jumlah Aset Semasa mampu menjelaskan hutang jangka pendek
 - D Melihat kemampuan perniagaan dapat membayar Liabiliti Semasa dalam tempoh yang ditetapkan

- T 22. Maklumat di bawah diperolehi daripada buku Qistina Trading pada 30 Jun 2021.

	RM
Kenderaan	22 000
Inventori akhir	6 500
Inventori alat tulis	80
Bank	10 000
Deposit sewa	600
Akaun Belum Bayar	5 200
Pinjaman (matang 31 Disember 2021)	3 000
Pinjaman (matang 31 Januari 2025)	15 000

Berapakah nisbah semasa bagi Qistina Trading pada 30 Jun 2021?

- A 1.69 : 1
- B 2.10 : 1
- C 3.17 : 1
- D 3.30 : 1

- R 23. Situasi manakah yang menunjukkan peniaga mengamalkan rekod tak lengkap dalam perniagaan?

- A Peniaga Siti merekod bayaran bil air di Akaun Utiliti dan Akaun Bank.
- B Peniaga Chan merekod belian barang secara tunai di Akaun Belian sahaja.
- C Peniaga Razak merekod bayaran gaji di dalam Buku Tunai dan Akaun Gaji.
- D Peniaga Zaiton merekod jualan kredit di Jurnal Jualan dan memindahkan catatan ke lejar.

- S 24. Maklumat berikut diperolehi daripada buku Rias Enterprise pada 31 Disember 2020.

	<u>1 Januari 2020</u>	<u>31 Disember 2020</u>
	RM	RM
Akaun Belum Terima	2 140	3 230
Maklumat Tambahan		
(i) Diskaun diberi kepada pelanggan RM120		
(ii) Cek diterima daripada Akaun Belum Terima RM5 320		

Berapakah jumlah jualan kredit?

- A RM4 110
 B RM4 350
 C RM6 290
 D RM6 530

- T 25. Maklumat berikut diperolehi daripada Kedai Perabot Hakeem, sebuah perniagaan yang tidak mengamalkan sistem catatan bergu.

	<u>1 Mac 2021</u>
	RM
Inventori	7 400
Lengkapan	11 500
Tunai	900
Bank (overdraf)	1 400
Akaun Belum Terima	2 490
Akaun Belum Bayar	4 800
Insurans Prabayar	300


Berapakah modal awal kedai tersebut?

- A RM15 790
 B RM16 390
 C RM18 590
 D RM19 190

R 26. Urus niaga manakah yang **tidak** direkod sebagai penerimaan dalam Belanjawan Tunai?

- A Membuat pinjaman bank RM60 000
- B Menyewakan sebahagian premis dengan harga RM700
- C Memulakan perniagaan dengan tunai di tangan RM50 000
- D Pemilik membawa masuk perabot RM15 000 sebagai modal tambahan

S 27. Berikut ialah jumlah penerimaan dan pembayaran bagi Belanjawan Tunai Kedai Danial.



Antara berikut, yang manakah betul?

- I Berlaku lebihan pada bulan Mac
- II Berlaku kekurangan pada bulan Mac
- III Berlaku lebihan pada bulan April
- IV Berlaku kekurangan pada bulan April

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

- T 28. Encik Aiman telah menyedari berlaku kesilapan yang menyebabkan baki buku tunai berbeza dengan baki penyata bank. Beliau telah membetulkan kesilapan catatan tersebut dalam Buku Tunai terselaras dibawah.

Buku Tunai (terselaras)

2020		RM
Jan 31	Kesilapan Catatan	30

Antara berikut, apakah kesilapan tersebut?

- I Kadar bayaran RM255 tersalah catat RM 225 dalam Buku Tunai
- II Kadar bayaran RM225 tersalah catat RM 255 dalam Buku Tunai
- III Sewa diterima RM955 tersalah catat RM925 dalam Buku Tunai
- IV Sewa diterima RM925 tersalah catat RM955 dalam Buku Tunai

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

- R 29. Antara berikut, yang manakah diperuntukkan dalam Akta Perkongsian 1961?

- I Untung atau rugi dibahagi secara sama rata antara pekongsi
- II Faedah 6% setahun dibayar atas pinjaman pekongsi
- III Faedah dibayar atas modal pekongsi
- IV Setiap pekongsi berhak menguruskan perniagaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

S 30. Butiran yang manakah direkodkan di sebelah kredit Akaun Semasa Pekongsi?

- I Kongsi rugi
- II Bonus (belum bayar)
- III Faedah atas Ambilan
- IV Faedah atas Pinjaman Pekongsi (belum bayar)

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

S 31. Maklumat berikut diperolehi daripada Perkongsian Gemilang.

Akaun Semasa Diana

	RM		RM
S	XX	Baki b/b	XX
Baki h/b	XX	T	XX

Apakah **S** dan **T**?

	S	T
A	Faedah atas Ambilan	Ambilan
B	Kongsi rugi	Faedah atas Modal
C	Kongsi rugi	Faedah atas Ambilan
D	Gaji	Faedah atas Pinjaman

T 32. Pada tarikh pembubaran, Akaun Modal Barvesh mempunyai baki kredit RM8 200. Beliau menanggung rugi realisasi sebanyak RM4 400 dan bersetuju mengambil alih sebuah kenderaan pada harga RM14 000. Berapakah jumlah tunai tambahan yang perlu dibawa oleh Barvesh untuk menampung kekurangan modalnya?

- A RM1 400
- B RM10 200
- C RM17 800
- D RM26 600

R 33. Apakah persamaan antara pemegang syer biasa dengan pemegang syer keutamaan?

- A Menerima kadar dividen yang tetap
- B Berhak untuk menerima tunggakan dividen
- C Menerima dividen sekiranya sesebuah syarikat itu mendapat keuntungan
- D Berhak mengundi untuk melantik lembaga pengarah dalam Mesyuarat Agung Tahunan

S 34. Berikut adalah kandungan yang terdapat dalam Perlembagaan Syarikat **kecuali**

- A Pengurusan dan pentadbiran syarikat
- B Cara dan tarikh syarikat boleh dibubarkan
- C Kuasa dan tanggungjawab Lembaga Pengarah
- D Cara pembayaran dividen kepada pemegang syer

R 35. Encik Iman ingin menubuhkan Kelab Rekreasi Taman Bidara dan telah mengadakan mesyuarat penubuhan dengan beberapa orang rakannya.

Berikut ialah beberapa tindakan yang telah diambil oleh Encik Iman.

- I Menentukan perlembagaan Kelab.
- II Melantik Ahli Jawatankuasa Penaja.
- III Menyemak status pendaftaran kelab.
- IV Mendaftar kelab dalam sistem Eroses

Susun tatacara penubuhan Kelab Rekreasi Taman Bidara mengikut urutan yang betul.

- A II, I, IV, III
- B II, IV, III, I
- C IV, II, I, III
- D IV, III, II, I

- S 36. Maklumat berikut berkaitan penerimaan dan pembayaran Kelab Remaja Bestari.

	RM
Yuran ahli	2 460
Sewa lokar	2 250
Yuran Pertandingan	2 650
Derma Pembinaan Gelanggang	6 000
Belanja Pertandingan	1 760
Belian Lokar	1 000

Berapakah jumlah Pendapatan hasil Kelab Remaja Bestari?

- A RM13 560
 B RM11 800
 C RM5 600
 D RM4 800

- T 37. Persatuan Pengguna Bandar Perdana mempunyai 200 orang ahli dengan yuran sebanyak RM24 setahun

	1 Jan. 2020	31 Dis 2020
	RM	RM
Yuran belum terima	40	-
Yuran belum Terperoleh	60	40

Berapakah jumlah yuran yang telah diterima bagi tahun berakhir 31 Disember 2020?

- A RM4 740
 B RM4 800
 C RM4 820
 D RM4 860

R 38. Data berikut berkaitan Pengeluaran Meja.

	RM
Harga Jualan Seunit	10
Bahan Mentah Seunit	5
Upah Langsung Seunit	1
Insurans	1 000
Susut Nilai Mesin	3 400

Berapakan bilangan unit yang perlu dijual untuk mendapatkan untung RM1 300?

- A 570
- B 950
- C 1 100
- D 1 425

S 39. Manakah butiran yang diambil kira dalam menentukan kos prima dalam pengeluaran roti?

- I Tepung
- II Gaji buruh langsung
- III Susut nilai mesin
- IV Kadar bayaran Kilang

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- T 40. Maklumat berikut berkaitan pengeluaran dan jualan kasut Kilang Kasut PS pada 31 Disember 2020:

	RM
Inventori awal barang Siap	15 600
Inventori akhir barang Siap	18 720
Kos Pengeluaran	23 465
Jualan	36 640
Belian bahan mentah	10 445

Berapakah untung kasar bagi tahun berakhir 31 Disember 2020?

- A RM5 850
- B RM13 175
- C RM16 295
- D RM29 315

TAMAT